



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BILANGAN : IKLAN 40/2020**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)  
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**KETUA PEGAWAI TELEKOM PENERBANGAN (B.3)  
JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



- |  |
|--|
| <p><b>1. KETUA PEGAWAI TELEKOM PENERBANGAN<br/>JABATAN PENERBANGAN AWAM<br/>KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI<br/>B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)<br/>KEKOSONGAN = SATU (01)</b></p> |
|--|

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik / Elektronik dan Telekomunikasi / Telekomunikasi atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- a) Telah berkhidmat di Jabatan Penerbangan Awam dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat dengan perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 6 tahun.

**ATAU**

2. a) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Penerbangan Awam dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun.

**ATAU**

- b) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 tidak kurang dari 9 tahun.

3. Lulus serta mendapat Sijil Keahlian Institut Kejuruteraan Elektrikal atau sebanding dengannya dan mendapat pengiktirafan sebagai *Chartered Engineer* adalah kelebihan.

4. Mempunyai pengalaman dalam pengurusan, pengawasan, penyenggaraan ke atas operasi peralatan Navigasi Udara adalah kelebihan.



5. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

#### **TUGAS DAN TANGUNGJAWAB:**

1. Melapor diri kepada Pengarah Penerbangan Awam.
2. Membantu Pengarah Penerbangan Awam bagi kerja-kerja berikut:
  - i. Bertanggungjawab di dalam merancang dan menyusun pentadbiran dan perjalanan Bahagian Telekom Penerbangan.
  - ii. Merancang mengurus dan mentadbir bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan dalam aspek sistem Pemaliman, Perhubungan, Radar bagi Kawalan Lalulintas Udara dan bagi Kajicuaca, Pengurusan Kawalan Lalulintas Udara dan kelengkapan elektronik di Satelit Terminal dan juga sistem-sistem di luar kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa.
  - iii. Menyediakan serta menyelaraskan perkembangan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara.
  - iv. Meneliti serta membuat perbelanjaan tahunan termasuk anggaran belanjawan bagi peningkatan dan/atau perkembangan pelbagai kemudahan telekomunikasi, elektronik dan elektrik di Lapangan Terbang Antarabangsa.
  - v. Menghadapkan rancangan dan anggaran belanjawan bagi keperluan Telekom Penerbangan terhadap perbelanjaan berulang, kursus-kursus dan latihan sebarang laut bagi Pegawai-Pegawai Telekom Penerbangan mengenai keperluan penukaran alat-alat lama yang tidak boleh digunakan lagi.
  - vi. Menentukan keperluan tenaga manusia dan merancang pengambilan kakitangan baru.
  - vii. Mengawal serta mengawas tahap penyenggaraan peralatan / sistem elektronik di dalam dan di luar kawasan Lapangan Terbang pada keseluruhannya termasuk kerja penyenggaraan rutin dan berjadual menepati kehendak piawaian Pertubuhan Antarabangsa Penerbangan Awam – *Annex 10* dan yang berkaitan dengannya.



- viii. Merancang dan mengatur pemeriksaan penerbangan berkala ke atas peralatan pemaliman dan bantuan pendekatan bagi memastikan ianya menepati taraf antarabangsa yang digariskan dalam *ICAO Annex 10*.
3. Mengarah dan menyelaras, mengawal dan mengawas (*monitoring*) terhadap kerja-kerja elektronik dan telekomunikasi.
  4. Merancang dan memperkembang maju kehendak sistem telekom penerbangan bagi menepati kehendak operasi termasuk meneliti spesifikasi tawaran bagi pembekalan peralatan / sistem. Meneliti penilaian tawaran dan sokongan tertentu.
  5. Mengawasi pengurusan di peringkat pemasangan, pemeriksaan penerimaan, *commissioning test* terhadap semua sistem-sistem baru. Mengawasi serta memeriksa penerbangan berkala ke atas peralatan baru di dalam menepati sasaran spesifikasi teknikal. Membuat pemeriksaan *factory acceptance testing* di kilang pembuat dan *Site Commissioning Testing* bagi semua sistem teknikal baru.
  6. Bertanggungjawab bagi pengesahan, pengakuan ke atas peralatan / sistem baru bagi memastikan supaya sistem berkenaan memenuhi kehendak tawaran spesifikasi dan keperluan tawaran.
  7. Mengawasi serta meneliti kontrak projek-projek pemasangan baru bagi alat-alat Telekom Penerbangan, Kajicuaca, pemeriksaan keselamatan dan kemudahan-kemudahan di Bangunan Terminal dan juga perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Penerbangan Awam.
  8. Bersedia membuat tugas-tugas tambahan yang diperlukan dari semasa ke semasa.



### **Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian II**

Sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang **'Apply'**;

- ✓ Kad pengenalan dan Lesen Memandu (Jika berkenaan)

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Kad Pengenalan.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Lesen Memandu.pdf</a>

- ✓ **SIJIL** Degree (Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSCRIPT** yang dikehendaki oleh Skim Iklan dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN KELULUSAN (MKPK)** bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">PHD.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">MASTER.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">DEGREE.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">HND.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">HNC.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">ND.pdf</a>

Hendaklah ada maklumat bidang kelulusan ('field') seperti contoh Business Administration di ruangan yang tersembunyi dengan menekan tanda "+" disebal kiri diruangan Bachelor of Arts. jika sekiranya belum diisikan maklumat bidang ('field'), sila tekan tanda "+add" dibawah kelulusan tersebut dan seterusnya menaip bidang awda seperti contoh Business Administration, Employment Relation dan sebagainya.



	Title of Examination	University/College	Result of Examination	Upload File
 	BACHELOR OF ARTS	Universiti Brunei Darussalam	PASS	<b>DEGREE.pdf</b>
	Field			
	BUSINESS ADMINISTRATION			
	<a href="#">+ Add</a>			




Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sepertimana kehendak skim dan seterusnya memastikan **SIJIL** Kelulusan Tertinggi yang diperolehi berserta **KELULUSAN TRANSCRIPT** (jika berkenaan) dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.




Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "*Current Government Employee*"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

### My Profile

#### Working Experience

Public and Ex-Government Employee 

Current Government Employee 

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office